

# JUN 20 JUN 2001 Forum Kepimpinan Asia himpun 300 penggubal dasar

**KUALA LUMPUR** 19 Jun — Forum Tahunan Kepimpinan Asia Ke-10 yang diadakan pada 27 dan 28 Jun ini akan menghimpunkan lebih 300 orang penggubal dasar dan pemimpin perniagaan dari rantau ini.

Bertemakan 'Memenuhi Cabaran Kepimpinan Global: Membangun dan Mengekalkan Strategi Pertumbuhan', forum di bawah Program Eksekutif Business Week ini bertepatan dengan perubahan yang sedang berlaku di negara-negara Asia ekoran krisis ekonomi rantau ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif dan Strategies Limited selaku penerbit forum, Sam Moon berkata, fokus utama forum ini ialah meninjau strategi pertumbuhan kekal dan cabaran yang dihadapi oleh kebanyakan pemimpin dalam menghadapi pergolakan pasaran.

## Pertumbuhan

"Para pemimpin mesti menilai iklim politik, ekonomi, sosial dan teknologi.

"Mereka mesti berpan-dangan jauh, mempunyai keupayaan untuk memacu syarikat mereka ke arah pertumbuhan jangka panjang dan serentak dengan itu menguruskan perubahan dalam," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurutnya, antara tokoh yang akan menyampaikan ucap-tama forum tersebut termasuklah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo, Menteri Hal Ehwal Parlimen dan Teknologi Maklumat Kerajaan India, Pramod Mahajan, Pemangku Menteri Alam Sekitar dan Menteri Dalam Negeri, Kementerian Komunikasi dan Teknologi Maklumat Republik Singapura, Lim Swee Say.

Tokoh-tokoh lain yang akan menyampaikan ce-ramah ialah bekas Perdana Menteri Britain dan Ireland Utara, John Major, bekas Presiden Filipina, Fidel Ramos, Naib Menteri Hal Ehwal Antarabangsa yang juga dari Kementerian Kewangan Kerajaan Jepun, Haruhiko Kurodo dan Menteri Kanan bagi Ekonomi, Kewangan dan Industri Republik Indonesia, Dr. Rizal Ramli.

Forum Kepimpinan Asia Business Week dianjurkan dengan kerjasama Institut Strategi dan Kepimpinan Asia, Kongres Pembangunan Ekonomi Dunia, ATKeamey dan Playcom dan perkhidmatan keselamatan oleh Hill & Associates.